

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 6 BILANGAN 18.

BANDAR BRUNEI, RABU 20 SEPTEMBER, 1961. (10 RABIUL AKHIR 1381)).

PERCHUMA

ALLAH LANJUTKAN USIA D.Y.M.M.

SAMBUTAN2 DERGAHAYU BAGINDA DI-SELUROH NEGARA

BANDAR BRUNEI. — Pada 23 hingga 25 September, seluruh rakyat dan penduduk2 Negeri Brunei akan merayakan hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan Sir Omar Ali Saifuddin Kaili Yang Ke-45 sa-bagai pernyataan ta'at setia mereka dan mengucapkan "selamat dergahayu Duli Tuanku".

Hari Sabtu 23 September telah di-istiharkan sa-bagai hari kelepasan awam di-seluruh negeri. Pejabat2 Kerajaan dan sharikat2 perniagaan gudang2 dan bank akan di-tutup untuk memberi kesempatan kepada kaki tangannya mengambil bahagian dalam perayaan2 yang telah di-ran-changkan.

Sambutan yang akan datang ini ia-lah yang ke-12 semenjak baginda naik takhta Kerajaan dalam tahun 1950.

Istiadat hari keputeraan itu akan di-mulakan dengan satu upacara perbarisan kehormatan di-raja di-padang besar, Bandar Brunei yang akan di-adakan pada pukul 7.30 pagi.

Dalam upacara perbarisan itu, pasokan sukarela dan kaki tangan pejabat2 yang beruniform akan berbaris dengan pasokan polis dan pencharagam polis Brunei sa-lain dari pasokan2 pengakap, Pandu Puteri dan Palang Merah.

Murid2 sekolah dan orang ramai akan hadir juga dalam upacara tersebut.

Di-padang perbarisan, di-tempat yang di-sediakan di-jangka akan penuh sesak di-banjiri oleh pegawai2 tinggi kerajaan, ra'ayat dan penduduk2 negeri menyaksikan upacara itu.

Upacara perbarisan itu juga akan di-saksikan oleh Yang Teramat Mulia Duli2 Pengiran Bendahara dan Pengiran Pemanchara, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato Setia Marsal bin Maun, akan di-beri tabek kehormatan oleh perbarisan sa-tiba beliau pada pukul 7.50.

Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Teutama Tuan



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin Sa'dul Khairi Waddin, D.K., P.S.N.B., S.P.M.B., D.M.N., D.K., (Kelan-tan); D.K., (Johore); D.K., (Selangor), K.C.M.G. Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Darul-Salam.

D.C. White, sa-bagai wakil Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen, akan juga mendapat tabek kehormatan di-raja dan sa-iring dengan itu lagu kebangsaan British di-bunyikan.

Duli Yang Maha Mulia akan

sampai di-padang besar tepat pada pukul 8.05 pagi untuk menerima tabek kehormatan di-raja dan sa-jurus sa-telah itu lagu kebangsaan Brunei di-bunyikan. Kemudian baginda memereksa perbarisan.

Upacara perbarisan itu akan di-tamatkan dengan tiga kali tabek kehormatan di-raja dan tembakan meriam 21 das; kemudian tiga kali sorak bagi Duli Yang Maha Mulia.

Sa-telah selesai upacara perbarisan di-padang, Istiadat Menghadap pula akan di-adakan di-Pasiban Agong Istana Darul Hana di-mulakan pada pukul 10.00 pagi.

Dalam istiadat itu wakil2 kaum, puak, persekutuan dan lain2 akan di-beri kesempatan

(Lihat Muka 5)

WAKIL2 BRUNEI KA-NEW DELHI

BANDAR BRUNEI. —

Empat orang pegawai2 kanan Kerajaan akan mewakili Negeri Brunei dalam persidangan Surohanjaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh di-bawah anjoran Bangsa2 Bersatu.

Persidangan itu akan di-adakan di-New Delhi, India mulai dari 26 September hingga 3 October, 1961.

Pegawai2 tersebut ia-lah Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei; Inche Sa'ad bin Marzuki, Setia Usaha Perkembangan Negara, Brunei; Yang Berhormat Pengiran Ahmad bin Duli Pengiran Bendahara Haji Mohamed Yassin, Pegawai Pertadbiran Negeri Brunei dan Doktor J.S. Gould, Penasehat Ekonomik Bangsa2 Bersatu yang pada masa ini sedang berkhidmat dengan Kerajaan Brunei.

Beliau2 itu akan berangkat dengan kapal terbang ka-Singapura pada petang hari ini dalam perjalanan ka-New Delhi.

PERMOHONAN KA-MEKAH TAHUN HADAPAN

BANDAR BRUNEI. — Orang2 Islam di-seluruh Negeri Brunei yang berazam hendak menunaikan fardhu haji tahun 1962 ada-lah di-kehendaki mendaftarkan nama mereka di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei tidak lewat dari 30 September, tahun ini.

Nama2 mereka akan di-sampaikan kelak kepada Pegawai Penguasa Haji di-Persekutuan Tanah Melayu bagi menentukan anggaran jema ah bakal2 haji tahun

1962 supaya jadual2 pelayaran kapal dapat di-atorkan dengan saksama.

Daftar nama itu akan di-susun mengikut permohonan2 yang diterima daripada bakal2 haji. Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei; Pejabat2 Da'erah dan Pejabat2 Kadhi.

Permohonan yang di-terima oleh pejabat2 tersebut lewat dari 30 September tidak akan di-layani.

Borang2 permohonan itu hendak-lah :


◆ Di-tanda tangani atau mengandongi chap ibu jari si-pemohon.

◆ Di-sertai dengan dua keping gambar si-pemohon; sa-keping di-lekatkan pada tempat yang di-khaskan di-sabelah kiri atas borang permohonan.

◆ Di-sertai oleh satu surat akuan kesehatan boleh menunaikan fardhu haji (medical certificate of fitness) daripada sa-orang doktor.

Borang2 surat akuan kesehatan itu boleh di-dapati dari Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei; Pejabat2 Da'erah dan Pejabat2 Kadhi.

PENUNTUT2 BRUNEI KA-ENGLAND



Tiga daripada beberapa orang penuntut Brunei yang telah balek ka-United Kingdom baharu2 ini sa-lepas berchuti di-Brunei.

Dari kiri—Abdul Aziz bin Abdul Latiff, Ja'afar bin Nordin dan Awangku Sani bin Pengiran Ahmad.

BANDAR BRUNEI. — Empat belas orang penuntut2 dari Negeri Brunei telah berangkat balek ka-United Kingdom baharu2 ini sa-lepas berchuti di-negeri ini.

BALEK DARI MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei dan Tuan Haji Othman bin Haji Mohamed Sa'id, Pengelola, Pelajaran Ugama Islam Negeri Brunei telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang dari Brunei pada hari Jumat 8 September yang lalu.

Beliau2 itu telah beranang karsana kerana memilih beberapa orang guru baharu untuk berkhidmat dengan sekolah2 ugama di-Negeri Brunei.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali dan Tuan Haji Othman telah balek ka-Brunei pada hari Sabtu yang lalu.

Mereka ia-lah Ja'afar bin Noordin, Awangku Sani bin Pengiran Ahmad, Abdul Aziz bin Abdul Latiff, Johar bin Noordin, Awangku Ismail bin Pengiran Mahmud, Ibrahim Hussaini, Johari Othman, Ariffin Ajamain, Othman Adol, Malai Ali bin Malai Othman, Awangku Bahrain bin Pengiran Abbas, Mahari Ismail, Awang Hassan bin Pehin Orang Kaya Digadong dan Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong.

Enam orang lagi penuntut2 tersebut di-jangka akan berlepas dari Brunei ka-Singapura dengan kapal terbang pada hari ini.

Penuntut2 itu ia-lah Mohamed Kassim bin Mohamed Daud, Mohamed Hussein bin Mohamed Daud, Ibrahim bin Haji Mohamed, Abdul Ghafar bin Haji Lamat, Awangku Omar bin Pengiran Limbang dan Abu Bakar bin Abdul Rahman.

Menghadhiri Kursus Pegawai2 Polis di-Scotland

BANDAR BRUNEI. — Superintendent Polis Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Abdul Rajid, O.C.P.D., Brunei akan berangkat dari Brunei ka-Scotland dengan kapal terbang pada hari Rabu 27 September akan datang untuk menghadhiri kursus Pegawai2 Kanan Polis dari beberapa buah negara dalam dunia.

Kursus itu akan di-adakan di-Maktab Polis Scotland, Tullian Castle berdekatan Edinburgh, ibu kota Scotland mulai dari 5 October hingga 22 December.

Ini-lah kali yang kedua Pengiran Jaya menghadhiri kursus latihan Pegawai2 Polis di-United Kingdom.


Beliau telah menghadhiri kursus latihan Pegawai2 Rendah Polis di-London mulai dari bulan July hingga December dalam tahun 1955.

Pengiran Jaya berumur 35 tahun dan telah berkhidmat dengan Pasokan Polis Negeri Brunei semenjak 16 tahun dahulu. Beliau mulai berkhidmat sa-bagai sa-orang anggota polis biasa. Pada awal bulan April tahun 1948 beliau di-lantek menjadi Inspektor dan 6 tahun kemudian di-lantek menjadi Inspektor Yang Kanan.

Beliau telah di-lantek menjadi Assistant Superintendent Polis pada 1 September, 1956 dan pada 1 January tahun ini di-lantek menjadi Superintendent Polis.

Pengiran Jaya di-jangka akan berangkat balek dari United Kingdom ka-Brunei pada 28 December hadapan dan tiba di-Brunei pada awal bulan January.

Dalam perjalanan balek ka-Tanah Ayer beliau akan melawat ka-beberapa buah negara dan bandar2 yang besar saperti Bangkok, ibu kota Negeri Siam.



Major Mohamed Shariff bin Ahmad, memakai pakaian tentera dan topi-nya di-atas meja, kelihatan dalam gambar ini memberi penerangan2 di-dewan S.O.A.S. College baharu2 ini kepada sa-bilangan orang yang telah di-pilih untuk berkhidmat dengan Ashkar Melayu Brunei.

Memakai pakaian tentera dari kiri ia-lah Sarjan Ja'afar, Sarjan Yunos, Sarjan Henry Mowe, Major Mohamed Shariff, Sarjan Hashim, Yang Berhormat Inche Abdul Manan bin Mohamed memakai kemeja puteh dan Lieutenant Omar Azaddin.

Ashkar Melayu Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pemilihan2 kerana mengambil orang2 baharu untuk berkhidmat dengan Ashkar Melayu Brunei pada kali yang ke-dua telah selesai di-jalankan.

Pemilihan2 itu telah di-adakan di-Bandar Brunei dan di-Kuala Belait oleh Pegawai2 Tentera Persekutuan Tanah Melayu dengan di-ketuai oleh Major Mohamed Shariff bin Ahmad A.M.N., Pegawai Pengambil Anggota2 Baharu, Tentera Persekutuan Tanah Melayu.

Anggota2 baharu Ashkar Melayu Brunei itu akan berlepas ke-Port Dickson, Negeri Sembilan sa-belum 23 October akan datang.

LAWATAN MUHIBBAH PEMIMPIN ISLAM KOREA KA-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Di-Korea Selatan pada masa ini mempunyai penduduk2 yang beragama Islam hanya berjumlah 580 orang sahaja berbanding dengan ramai penduduk2-nya yang berjumlah 43 juta orang.

Dari jumlah itu, 30 peratus beragama Islam dan Protestan dan 70 peratus yang tidak menganut apa2 agama.

Ini, telah di-nyatakan oleh Tuan Haji Omar Kim Jin Kyu, pengerusi Korean Islamic Society, Korea dalam ucapan-nya di-majlis jamuan kerana meraikan beliau yang di-adakan oleh Persatuan Kesatuan Islam Brunei di-pekarangan Mesjid Omar Ali Saifuddin pada 12 September lepas.

Lawatan Tuan Haji Omar ka-Brunei ada-lah lawatan muhibbah sa-chara tidak rasmi untuk menghubungkan salaturrahim antara orang2 Islam di-Korea dengan orang Islam di-Brunei.

Tuan Haji Omar berkata:

"Saya berasa bangga dapat datang ka-Brunei dan berjumpa dengan saudara2 kerana perhubungan salaturrahim antara kita sa-sama Islam."

Beliau juga menceritakan sejarah Islam di-Korea, kata-nya:

"Pada tahun 1955 di-suatu tempat di-Korea, sa-orang imam telah menganjorkan agama Islam. Dengan anjoran-nya itu-lah hingga pada masa ini pemeluk2 agama Islam berjumlah sa-banyak 580 orang."

"Dari jumlah penduduk2 di-Korea itu di-dapati 70 peratus tiada menganut apa2 agama."

Tuan Haji Omar menegaskan lagi bahawa pada tahun 1960 beliau pernah ka-Pakistan atas jemputan orang Islam di-sana.

"Salama sa-tahun saya di-sana, "kata beliau". Saya mempelajari selok belok agama Islam. Kemudian saya pergi ka-Mekah kerana menunaikan fardhu haji."

Beliau menceritakan pada masa ia di-Pakistan mendapat bantuan berupa wang dari Amerika yang berjumlah \$900,000 untuk membangun sebuah mesjid.

"Di-Persekutuan Tanah Mela-

yu saya telah berjumpa dengan Perdana Menteri-nya, Tengku Abdul Rahman. Tengku telah menolong dengan menghadiahkan wang kepada kami sa-banyak \$90,000 untuk membangun mesjid itu," kata Haji Omar.


Dalam bulan June tahun lepas, Haji Omar menyatakan perjumpaan-nya dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei di-Kuala Lumpur. Duli Maha Mulia telah menjemput beliau ka-Brunei jikalau ada peluang pada bila2 masa.

Tuan Haji Omar akhir-nya telah menyampaikan harapannya kepada orang2 Islam di-Brunei dengan menegaskan:

"Saya berharap orang2 Islam di-Korea dan Brunei, haruslah bantu membantu dan tolong menolong satu dengan lain dalam hal kebajikan, dan akan menyambung tali persahabatan.

"Dan saya berharap juga orang2 Islam di-sini akan melawat Korea. Islam ia-lah agama yang baik sa-kali dalam dunia."

Pada masa di-Brunei Tuan Haji Omar telah mengadap Duli Yang Maha Mulia, melawat Kampong Ayer, Mesjid Omar Ali Saifuddin, Padang Minyak di-Seria dan ka-lain2 tempat.



Tuan Haji Omar Kim Jin Kyu memakai songkok dan berkacamata kelihatan memberi ucapan di-majlis jamuan teh untuk meraikan-nya yang telah di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Kesatuan Islam Negeri Brunei baharu2 ini.

Duduk di-sabelah kanan Tuan Haji Omar ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, Yang Dipertua Persatuan Kesatuan Islam Negeri Brunei dan Yang Mulia Pengiran Muda Kamaluddin, Setia Usaha, Jabatan Hal-Ehwal Agama, Negeri Brunei.

Pegawai2 Penerangan Malaya Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sapuluh orang pegawai2 dari Jabatan Penerangan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah melawat ka-Negeri Brunei dari 4 hingga 8 September yang lalu di-bawah anjoran Sharikat Shell Persekutuan Tanah Melayu.

Sa-masa berada di-negeri ini para pelawat itu telah melawat ka-Seria kerana meninjau perusahaan minyak yang di-jalankan oleh Sharikat Minyak Shell di-Seria, Lutong dan Miri.

Pegawai2 dari Jabatan Penerangan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu itu tidak ketinggalan melawat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei serta ju-

ga melawat ka-Kampung Ayer.

Dalam lawatan tersebut mereka telah di-iringi oleh Inche Charles Ng Pegawai Penerangan Shell di-Persekutuan Tanah Melayu; Inche B. Levick, Pegawai Perhubungan Raya Sharikat Shell Brunei; Yang Berhormat Pengiran Bahar dan Inche Cheah Tat Kheam, Penolong2 Pegawai Perhubungan Raya Sharikat Shell Brunei dan lain2 pegawai sharikat minyak tempatan.

Para pelawat tersebut telah diketuai oleh Inche Soon Cheng Hor, Timbalan Pengarah, Perkhidmatan2 Penerangan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Mereka ia-lah Inche Foo Beng Hoe, Penolong Pegawai Penerangan Negara, Perak; Inche Low Lye Hin, Penolong Pegawai Penerangan Negara, Johore; Inche Wan Man bin Haji Ismail, Penolong Pegawai Penerangan Negara, Johore; Inche Ronnie Duclos (saudara Inche John Duclos, bekas Ketua Radio Brunei) Pembantu Penyelidikan di-Ibu Pejabat Perkhidmatan Penerangan, Kuala Lumpur; Raja Tan Ahmad bin Raja Harun Al-Rashid, Pegawai Luar, Kelantan; Inche Ahmad Shariff, Pegawai Luar, Kedah; Inche Raymond Lopez, Pengarang di-Malayan Film Unit; Inche Goh Meng Huat, Ketua Pelukis di-Malayan Film Unit dan Inche Abdul Majid bin Abdul Rahman Pengarang di-Bahagian Penerbitan Perkhidmatan Penerangan di-Kuala Lumpur.

BALEK DARI SEMINAR BANGSA2 BERSATU

BANDAR BRUNEI. — Dua orang wakil2 dari Negeri Brunei yang menghadhiri Seminar Bangsa2 Bersatu mengenai kejuruteraan, lalu lintas dan keselamatan jalan raya di-Manila, Philipina pada bulan yang lalu telah balek ka-Brunei pada 7 September.

Beliau2 itu ia-lah Inche Talib bin Darwish, Pemangku Jurutera Negara, Brunei dan Inche A.N. Outram, Pesuruh Jaya Pulis Negeri Brunei.

Seminar tersebut telah di-mulai pada 28 August dan di-teruskan hingga 5 September.

Sa-ramai 18 orang wakil2 dari Negeri2 Brunei, Philipina, Hong

Kong, Negeri Siam, Jepun, India, China, Amerika Sharikat dan Russia telah menghadhiri seminar tersebut.

Seminar itu telah di-tajakan oleh Kerajaan Philipina dan di-langsungkan di-bawah anjoran Surohan Jaya Economic bagi Tenggara Asia.

Sa-lain daripada wakil2 Pertubuhan Kesehatan Sa-Dunia dan wakil2 Persekutuan Antara Bangsa, dari London dan Washington telah juga menghadhiri seminar itu.

Inche Talib telah di-lantek dengan sa-bulat suara menjadi Naib Pengerusi seminar itu.

Berbagai2 perkara yang mustahak telah di-rundingkan dalam seminar tersebut dan seminar yang akan datang mungkin di-adakan di-Hongkong atau Singapura pada tahun hadapan.



Inche Talib bin Darwish, Pemangku Jurutera Negara Brunei (kiri) dan Inche A.N. Outram, Pesuruh Jaya Pulis Negeri Brunei (kanan) kelihatan pada masa menghadhiri seminar Bangsa2 Bersatu mengenai kejuruteraan lalu lintas dan keselamatan jalan di-Manila, Philipina baharu2 ini.

"MESJID — RUMAH YANG MULIA..."

—D.S. Pengiran Ali

MESJID CHAHAYA DERMA BAKTI KAMPONG PENANJONG


PENANJONG. — Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Md. Ali bin Pengiran Haji Md. Daud, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei telah menegaskan bahawa dalam mengerjakan ibadat sembahyang bukan sahaja sembahyang Juma'at kita buat berjema'ah, tetapi kalau boleh hendaklah berjema'ah juga waktu mengerjakan sembahyang2 lima yang lain.

Beliau menyatakan demikian dalam ucapan-nya di-upachara pembukaan mesjid Chahaya Derma Bakti Penanjong dalam bulan August yang lalu.

Dato Setia Pengiran Ali berkata:

"Tidaklah chukup dengan hadir sembahyang Juma'at seminggu sa-kali sahaja, tetapi hendaklah juga berjema'ah pada waktu2 yang lima — sa-berapa yang dapat — kerana mesjid ada-lah rumah yang mulia dan suchi di-sisi Allah di-muka bumi ini."

Beliau juga menegaskan bahawa telah menjadi kelaziman dan peraturan pada masa ini Jabatan Ugama akan memberi kebenaran mendirikan mesjid di-mana2 da'erah sa-telah di-fikirkan kehendak mendirikan-nya itu manasabah dengan penduduk2 di-tempat itu yang sanggup bekerja dan mengadakan wang untuk



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, (duduk di-barisan hadapan) dan para hadirin bergambar ramai di-kawasan Mesjid Chahaya Derma Bakti, Kampong Penanjong, Daerah Tutong sa-lepas Baginda mengisytiharkan pembukaan resmi mesjid itu pada 25 August yang lalu.

mendirikan-nya.

"Jabatan Ugama akan membenarkan supaya di-luaskan pungutan derma keluar dari mukim mesjid yang akan di-bena itu untuk menambah perbelanjaan pembangunan-nya.

"Apabila mesjid itu berjaya di-dirikan maka akan menjadi kewajipan Jabatan Ugama mengadakan pegawai2-nya saperti

imam dan lain2; tambah beliau.

Pengetua Hal Ehwal Ugama itu berkata lagi bahawa segala mesjid di-negeri ini, menurut undang2 ada-lah terletak di-bawah pengawasan dan tanggung jawab Jabatan Ugama dan tanggung jawab itu akan di-laksanakan oleh Jabatan Ugama melalui kadhdi da'erah di-tempat itu.

Beliau juga menyatakan harapannya semoga dengan terlaksana-nya hajat dan chita2 morni penduduk2 Penanjong mendirikan mesjid yang mulia umat Islam di-sana akan bersungguh2 mera'ikan dengan datang beramai2 beribadat dan belajar hukum2 ugama kita yang maha suchi.

"Moga2 dengan ada-nya mesjid baharu ini akan bertambah2 rapat lagi perpaduan umat Islam di-kampong ini dengan menuaikan segala perintah2 ugama", ujar Pengiran Ali.

Upachara pembukaan mesjid tersebut telah di-hadiri oleh antara-nya Duli Yang Maha Mulia; Duli Pengiran Bendahara; Duli Pengiran Pemancha; Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar; Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un; Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Hj. Md. Yusuf; Pegawai Daerah Tutong Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Abu Bakar dan lain2nya.

Turut berucap dalam upachara itu ia-lah Inche' Su'ib bin Haji Noor, Setia Usaha Pembinaan Mesjid Penanjong dan Inche' Zarkashi bin Haji Md. Yusuf, Setia Usaha Pembukaan, menyatakan terima kaseh mereka kepada dermawan2 yang telah mendermakan wang dan lain2 barang untuk pembinaan mesjid tersebut.

ISTIADAT BERBARIS DERGAHAYU D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Istiadat Barisan Kehormatan Diraja kerana menyambut Dergahayu Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Yang Ke-45 akan di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada hari Sabtu akan datang mulai pada pukul 7.30 pagi.

Achara2 yang akan di-jalankan pada masa istiadat tersebut ada-lah saperti di-bawah ini:

7.30 pagi — Pegawai2 Kerajaan, Murid2 Sekolah, Pasokan2 Pengakap Pandu Puteri, Palang Merah, Pegawai2 Kastam, Pegawai2 Laut dan orang ramai bersedia dan berator di-tempat masing2.

7.35 pagi — Pasokan Pancharagam Pulis dan Pasokan Pulis Brunei bersedia di-hadapan Pentas Diraja.

7.45 pagi — Semua pasokan bersedia.

7.50 pagi — Yang Amat Berhormat Menteri Besar tiba dan di-sambut dengan Tabek Kehormatan.

7.55 pagi — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara tiba. Pada masa itu orang2 yang berbaris berdiri tegak.

8.00 pagi — Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei tiba dan di-sambut dengan Tabek kehormatan Diraja dan lagu Kebangsaan Inggeris di-bunyikan.

8.05 pagi — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan tiba, di-sambut dengan Tabek Kehormatan Diraja dan lagu Kebangsaan Brunei di-bunyikan.

Kemudian Duli Yang Maha Mulia berangkat memereksa Barisan dan lepas itu Baginda berangkat balek ka-Pentas Diraja.

Sa-terus-nya di-ikuti dengan mengadakan Tabek Kehormatan Diraja (tiga kali tembakan senapang) dan tembakan meriam 21 das, tiga kali

sorak bagi Duli Yang Maha Mulia diketuai oleh Pemerintah Barisan; dan Tabek Kehormatan Diraja.

Sa-lepas itu Pasokan Pulis berjalan lalu di-hadapan Duli Yang Maha Mulia dan balek ka-tempat-nya semula.

Achara itu akan di-akhiri dengan mengadakan Tabek Kehormatan Diraja dan lagu Kebangsaan di-bunyikan.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud, Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei (kiri) kelihatan sedang menyempornakan istiadat meletakkan batu asas Mesjid Kuala Belait yang baharu pada hari Ahad yang lalu. — Gambar dengan ehsan Sharikat Minyak Brunei Shell.



Mesjid Baharu Kuala Belait

KUALA BELAIT. — Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud, Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei telah menyempornakan istiadat meletakkan batu asas pertama bagi menandakan permulaan pembangunan Mesjid Kuala Belait.

Istiadat yang bersejarah itu telah di-langsungkan pada pukul 10.30 pagi hari Ahad 17 September, 1961.

Mesjid itu di-bena di-kawasan bekas Pejabat Pos, Kuala Belait, ia-itu di-simpang Jalan Dato Shahbandar dan Jalan Sultan dengan memakan belanja kira2 setengah juta ringgit, dan di-jangka akan siap sembilan bulan lagi.

ISTIADAT MENGADAP DI-ISTANA DARUL-HANA

BANDAR BRUNEI. — Istiadat Mengadap di-Pasiban Agung, Istana Darul Hana pada hari Sabtu 23 September, 1961 ialah seperti di-bawah ini:

Pukul 10 pagi — Para jemputan tiba di-Istana Darul Hana dan mengambil tempat duduk masing2.

Pukul 10.05 pagi — Yang Amat Berhormat Menteri Besar

Brunei tiba.

Pukul 10.10 pagi — Yang Teramat Mulia Duli2 Pengiran Bendahara dan Pengiran Pemancha tiba.

Pukul 10.15 pagi — Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Ingeris di-Brunei tiba.

Pukul 10.25 pagi — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan

dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri tiba.

Pukul 10.20 pagi — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan mengurniakan Pingat2 dan Bintang2 Kebesaran.

Kemudian ucapan akan di-sembahkan oleh:

(a) Yang Amat Berhormat Menteri Besar (sa-bagai wakil ra'ayat dan Kerajaan).

(b) Yang Terutama Tuan Pesuruh Jaya Tinggi Ingeris di-Brunei.


(c) Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha (sa-bagai wakil Menteri2).

Sa-lepas itu akan di-adakan persembahan ucapan dari wakil2 persekutuan, kaum dan lain2. Naskhah2 ucapan2 itu akan di-sembahkan sahaja dan tidak di-bacha.

Kemudian Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda bertitah.

Istiadat itu di-tamatkan dengan bacaan do'a selamat oleh Pegawai Ugama, Brunei.

Ka-Australia



Inche John Puk Min San dari Perkhidmatan Pos, Bandar Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Australia melalui Singapura pada minggu yang lalu untuk menghadiri kursus kewangan selama tiga tahun atas perbelanjaan Kerajaan Brunei.

Dengan pemergian-nya ka-Australia, sa-ramai tujuh orang Pegawai2 Kerajaan dari Negeri Brunei pada masa ini sedang menghadiri kursus kewangan.

Enam orang lagi Pegawai2 Kerajaan telah berlepas ka-Australia pada 28 August yang lalu.

Sambutan2 Dergahayu Baginda

(Dari Muka 1)

menyembahkan ucapan2 tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia.

Beberapa orang ra'ayat yang telah berjasa kepada raja dan negara mereka di-jangka akan di-anugerahkan pingat dan bintang2 kebesaran.

Duli Yang Maha Mulia telah di-mahkotakan menduduki takhta kerajaan dengan adil dan saksama semenjak 31 May, 1951 menggantikan paduka kakanda baginda yang telah mangkat.

Di-bawah pemerentahan baginda negeri ini telah berjalan dengan maju dari tahun ka-tahun dalam usaha baginda membentok sa-buah kerajaan sa-chara demokrasi.

Pada 29 September, 1959 saminggu sa-telah menyambut hari keputeraan baginda yang ke-43, baginda telah menanda tangani Perlembagaan Negeri Brunei

SAMBUTAN HARI JADI D. Y. M. M. DI-BELAIT

KUALA BELAIT. — Penduduk2 di-Daerah Belait akan menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Ke-45 dengan mengadakan acara sambutan seperti di-bawah ini:

Hari Sabtu 23 September, 1961: Pukul 4 petang — Istiadat Barisan Kehormatan di-padang Kuala Belait. Pukul 7 malam — Perlawanan bola sepak di-antara Kuala Belait dan Seria di-padang Kuala Belait. 8 malam — Tayangan wayang gambar di-padang kecil Kuala Belait. Mulai dari pukul 8.30 malam akan di-adakan temasha tari menari di-Kuala Belait Recreation Club.

Hari Ahad 24 September, 1961: Pukul 7 malam — Perlumbaan kereta "go-kart" di-bawah anjoran Klab Motor Negeri Brunei di-padang besar Kuala Belait. 7.15 malam — Tayangan wayang gambar di-tempat me-

yang menjamin antara lain pemerentahan dengan perwakilan ra'ayat.

Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia di-sambut dengan meriah oleh ra'ayat baginda di-mana jua mereka berada.

Upacara perbarisan yang akan2 sama seperti yang di-adakan di-Bandar Brunei akan di-adakan juga di-Kuala Belait pada pukul 4.30 petang itu, dan di-Tutong pada 24 September pukul 8.00 pagi.

Berbagai2 permainan dan pertandingan telah dan akan di-adakan pada siang dan malam hari sa-lama tempoh yang telah di-tetapkan.

Permainan2 itu termasuk-lah panchak silat, lumba perahu, malam aneka warna, peraduan bola sepak, hokey dan lain2 yang telah di-ranchangkan oleh berbagai2 jawatan kuasa sambutan hari keputeraan.

nyimpan kereta2 berhampiran Klab Jurutera China di-Seria.

Hari Ithnin 25 September, 1961: Pukul 7 malam — Tayangan wayang gambar di-kawasan "X-Site" Seria.



Ahli2 Jawatan Kuasa Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Yang ke-45 Daerah Tutong. Dudok nombor lima dari kiri ialah Yang Mulia Penyurat Haji Abu Bakar bin Jambol, Pengurus, dan di-sabelah kanan beliau ialah Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Umar, Naib Pengurus, Jawatan Kuasa itu.

PAMERAN LUKISAN

BANDAR BRUNEI. — Pameran Peraduan Lukisan bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan akan di-adakan di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada 23, 24 dan 25 September hadapan.

Susunan acara masa pameran tersebut ia-lah:

Hari Sabtu 23 September: 3 petang — Pertandingan di-hakimkan. 4 petang — Pembukaan rasmi oleh Pemangku Menteri Besar, Brunei. 4.30 petang — Pemangku Menteri Besar menyampaikan hadiah2.

Pameran tersebut di-buka kepada ramai daripada pukul 4 petang hingga ka-pukul 10 malam 23 September.

Hari Ahad 24 September dibuka kepada ramai dari pukul 8.30 pagi hingga ka-pukul 12 tengah hari; dari pukul 2 petang hingga 5 petang dan dari jam 7.30 hingga 10 malam.

Hari Ithnin 25 September: 8.30 pagi — 12 tengah hari; 2 petang — 5 petang dan dari 7.30 malam hingga ka-pukul 10 malam.

PENGELOLA RANCHANGAN PEMUDA

KUALA BELAIT. — Awangku Mohamed Yusof bin Pengiran Abu Bakar, Pengelola Ranchangan Pemuda, Majlis Perkhidmatan Masyarakat Belait telah balek ka-Negeri Brunei baharu2 ini sa-lepas berada sa-lama enam bulan di-Persekutuan Tanah Melayu.

Beliau telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk menghadiri kursus pemuda-pemudi dan juga meninjau pergerakan2 pemuda-pemudi atas perbelanjaan Majlis Perkhidmatan Masyarakat Daerah Belait.

CHARA2 MEMELIHARA KAMBING

Di-negeri ini sangat baik dan sesuai untuk memelihara kambing terutama pada tempat2 yang berhampiran dengan tepi2 laut yang tanah-nya berpasir dan tidak lembab kerana kawasan tersebut di-perchayai tidak mengurangkan kesihatan-nya malahan kian bertambah sehat dan baik.

Chara memelihara yang lebeh semporna dan berfaedah ia-lah mengadakan kandang atau rumah yang sesuai bagi-nya dengan menyediakan ayer dan garam. Kalau ada nyamok dan agas2 atau sa-umpama-nya hendaklah di-adakan unggun api pada waktu malam-nya supaya mengelakkan dari di-gigit oleh binatang2 tersebut.

Kebanyakan orang2 kita di-sini tidak mengikut seperti yang di-sebutkan. Mereka hanya membiarkan berkeliaran mengikut kesukaan binatang2 itu sahaja, apa lagi hendak membuat rumah, menyediakan garam dan memberi makanan yang terator sangat-lah tidak di-usahkan oleh mereka.

Kerap kali di-dapati kambing2 yang di-usahkan mereka itu di-biarkan berkeliaran men-chari makan yang sa-mata2 dengan rumput, sedangkan rumput2 itu tidak menchukupi untuk menjadi makanan-nya sataiap hari. Perkara ini harus meng-ganggu kesihatan-nya kerana rumput2 itu mungkin mengandongi chaching dan kutu2 atau tungau.

Chara pemeliharaan yang baik dan semporna supaya kambing2 itu sentiasa membiak dalam keadaan sehat ada-lah seperti yang tersebut di-bawah ini :

Kambing betina jangan-lah di-champor dengan kambing jantan sa-hingga berumur sah-tahun. Kambing jantan yang menjadi baka (bapa) hendak-lah di-pilih kambing yang di-fikirkan baik keadaan badan-nya besar.

Anak2 kambing jantan yang tidak di-kehendaki hendak-lah di-kebiri pada masa berumur 2 hingga 3 bulan ka-atas supaya

Keluaran2 Pelita Brunei yang lalu telah menyiarkan renchana2 mengenai chara2 bertanam pokok2 tanaman dan mengusahkan-nya. Kali ini kita siarkan pula chara2 memelihara binatang2 ternakan.

Renchana ini di-tulis oleh Inche Kamis bin Ja'afar pegawai pertanian, bahagian binatang ternakan di-Daerah Tutong.

Inche Kamis menulis :

badan-nya gemok untuk di-sembeleh.


Dalam masa dua tahun sa-kali hendaklah di-ganti kambing yang menjadi baka itu dan kemudian chari kambing jantan yang tidak ada hubungan kelamin dengan kambing betina untuk di-jadikan baka baharu.

Sa-ekor kambing jantan yang menjadi baka memadai untuk 30 hingga 40 ekor kambing betina sahaja. Kira-nya terdapat

put kering kerana menjauhkan dari penyakit chaching.

Jika masa hujan kambing2 jangan-lah di-biarkan begitu sahaja dalam rumah-nya dan hendaklah di-beri makan dengan rumput yang sudah di-potong atau daun2 kayu seperti daun angka dan daun kulimpapa (leban) serta ayer minum dan garam dengan sa-chukup-nya.

Jika rumput dan daun2 kayu



Kambing2 yang di-pelihara mengikut peratoran2 yang tertentu di-kawasan perchubuan Jabatan Pertanian di-Kilanas. Kebanyakan kambing2 itu di-datangkan dari Australia sa-bagai perchubuan sa-lain dari kambing2 tempatan.

kambing betina yang tidak baik hendaklah di-asingkan kerana kalau di-biarkan akan mengeluarkan benih yang tidak baik jenis-nya.

Mengeluarkan dari rumah atau kandang sa-elok2-nya pukul 8 pagi atau sa-sudah rum-

tidak menchukupi hendaklah di-tambah dengan bubur lemutuk atau isi kelapa. Segala bekas tempat makanan hendaklah di-bersehkan dan jangan di-biarkan begitu sahaja.

Chara membuat rumah untuk memelihara kambing supra-

ya lebeh berfaedah ada-lah seperti berikut :

Sa-buah rumah yang panjang-nya 30 kaki dan lebar-nya 10 kaki boleh chukup untuk 20 hingga 25 ekor kambing. Di-dalam-nya hendaklah di-buat berbilek2. Lantai-nya nibong atau buloh dan dinding-nya papan yang boleh di-buka dan ditutup supaya chahaya mata hari dapat memasoki ka-dalam rumah tersebut.

Lantai-nya pula hendaklah jarang2 supaya ayer kenching kambing tersebut mengalir ka-bawah dan tidak melembakkan lantai itu. Tiap2 hari mesti-lah di-bersehkan.

Anak2 kambing yang telah di-cheraikan dari menghisap susu i b u - n y a hendaklah di-asingkan.

Penyakit dan musoh kambing boleh di-elakkan jika di-jaga dengan baik kebersehan-nya serta di-beri makanan yang mengandongi zat.

Musoh2 yang selalu terdapat pada kambing ia-lah seperti, chaching dan kutu babi.

Kambing yang mengandongi chaching boleh di-kenali dengan keadaan badan-nya yang kurus, birak2 chair, bulu kembang dan lemah2 anggota-nya.

Chara mengubat-nya ia-lah dengan ¼ oz. Phenovis dan di-champor dengan ayer. Memberi makan ubat ini hendaklah 3 bulan sa-kali sa-hingga badan-nya kelihatan segar.

Kambing yang di-hinggapi oleh kutu babi juga menjadikan badan-nya kurus dan jika kutu babi ini terlampau banyak di-badan-nya neschaya akan mendatangkan bahaya.

Untuk mengelakkan-nya hendaklah di-mandikan dengan Lorexene dan akhir-nya kutu tersebut akan mati.

Untuk lebeh menyenangkan sa-kira-nya di-dapati kambing itu kurang mengeluarkan benih yang baik atau kesihatan-nya selalu terganggu minta-lah nasihat kepada Pegawai2 Pertanian bahagian ternakan yang berhampiran.

GERAI BRUNEI DI-PAMERAN M. A. H. A.

BANDAR BRUNEI. — Gerai Brunei di-pameran Maha sangat2 menarek perhatian penun-tun2 di-Persekutuan Tanah Melayu dari tahun2 yang sudah terutama mengenai barang2 perak, tembaga, kain2 tenunan dan lain2.

Ini, telah di-nyatakan oleh Inche' Tahir bin Pehin Udana Khatib Haji Omar yang telah balek ka-tanah ayer pada 8 September lepas sa-telah menghad-hiri pameran Maha sa-lama tiga hari di-Kuala Lumpur, Persekutuan Tanah Melayu.

Bersama2 beliau ia-lah Yang

Berhormat Inche' Hamidoon bin Awang Damit, Pegawai Pertanian Negara; Awang Tarif bin Haji Salleh, dari tukang perak; Inche' Ishak bin Abdullah, dari Jabatan Pertanian dan Inche' Seruddin bin Ahmad, dari tukang tembaga.

Inche' Md. Tahir berkata bahawa pameran Maha pada tahun ini ada-lah menarek perhatian dari tahun2 yang lalu mengenai barang2 yang di-pamerkan.

"Tetapi, pada hari pembukaannya tidak begitu ramai orang mengun-jongi, kerana hujan turun dengan lebat," tegas beliau.

Berkata mengenai barang2 yang menarek perhatian, Inche' Tahir menegaskan bahawa kebanyakan-nya ia-lah kain2, anyaman, pertukangan kayu dari Teranganu dan barang2 perak dan kain2 dari Kelantan.

Di-tanya mengenai perkembangan kemajuan Persekutuan Tanah Melayu, Inche' Tahir berkata:

"Menurut tinjauan saya lebeh kurang sa-minggu di-sana, saya dapat menyaksikan bahawa perkembangan kemajuan Persekutuan Tanah Melayu ada-lah berjalan dengan pesat-nya. Ini, da-

pat saya ukor dari hasil karya yang di-pamerkan itu dan pandangan am saya sa-lama di-sana."

Inche' Tahir juga mencheritakan bagaimana sambutan dari penun-tun2 terhadap barang2 pameran yang mereka bawa dari Brunei dan kebanyakan barang2 tersebut telah di-beli oleh penun-tun2 itu.

"Sambil itu juga saya berke-sempatan menyaksikan tarian2 yang berchorak Melayu asli yang di-tunjokkan oleh murid2 sekolah dalam masa perayaan menyambut ulang tahun kemerdekaan yang ke-4 Persekutuan Tanah Melayu," kata Inche' Tahir.

PEMENANG2 "MISTER" DAN "MISS" BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pemenang gelaran2 Mister Brunei dan Junior Mister Brunei pada tahun 1960 telah sa-kali lagi berjaya memenangi pertandingan tersebut di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada malam Ahad yang lalu.

Mereka ia-lah Inche Lim Chong Yean yang telah memenangi gelaran Mister Brunei Tahun 1961 dan Inche Yunus bin Tudin yang telah memenangi gelaran Junior Mister Brunei Tahun 1961.

Gelaran Miss Brunei Tahun 1961 telah di-sandang oleh Puan Catharine Loh.

Pertandingan2 tersebut telah di-adakan sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Di-antara ramai yang hadir di-temasha tersebut ia-lah Yang Terutama Tuan D.C. White, Pesuruh Jaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra dan isteri.

Lain2 peserta yang berjaya dalam pertandingan2 tersebut ia-lah:

Pertandingan Mister Brunei: Naib johan — Sarjan Pengiran Mohamed dari Balai Pulis, Tutong dan gelaran yang ketiga Awangku Asmali bin Pengiran Ahmad penuntut Maktab Sultan

laran yang ketiga di-menangi oleh Inche Willfred Jantai.

Pertandingan Miss Brunei: Naib Johan — Puan M.S. Maimun dan ketiga Puan Habbah Yusof.

Hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam pertandingan Mister Brunei dan Junior Mister Brunei di-sampaikan oleh Yang Terutama Tuan D.C. White.

Isteri kepada Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam pertandingan Miss Brunei.

Omar Ali Saifuddin.

Pertandingan Junior Mister Brunei: Naib johan — Inche Rahman bin Shamsudin dan ge-

Peraduan Silat dan Kuntau di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Peraduan panchak silat dan kuntau untuk menentukan kejohanan Daerah Brunei dan Muara telah dilangsungkan di-padang besar Bandar Brunei pada malam 13 September yang lalu dengan mendapat kejayaan yang besar.

Pengiran Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Daerah Brunei dan Muara telah mengishtiharkan pembukaan rasmi peraduan tersebut.

Hadiah2 kepada para peserta yang berjaya di-sampaikan oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan.

Para peserta yang berjaya dalam peraduan panchak silat adalah seperti di-bawah ini:

Pertama — Inche Idris bin Metusin. Kedua — Inche Yahya bin Metusin. Ketiga — Inche Othman bin Ali. Pemenang2 hadiah2 sagu hati — Inche Tinggal bin Ahmad dan Inche Ahmad bin Jubair.

Pemenang2 peraduan kuntau ia-lah:

1. Inche Idris bin Metusin. 2. Inche Dollah bin Lingga. 3. Inche

Othman bin Ali. Hadiah2 sagu hati di-menangi oleh Awangku Mohamed Salleh bin Pengiran Metarsad dan Awangku Daud bin Pengiran Mohamed Salleh.

Pemenang2 pertama dalam peraduan panchak silat dan kuntau akan mewakili Daerah Brunei dan Muara dalam peraduan akhir untuk menentukan kejohanan sa-Negeri Brunei yang akan di-adakan di-kawasan Istana Darul Hana pada malam 23 September hadapan.

SUKAN HARI JADI D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Satu temasha sukan terbuka orang2 dewasa dan kanak2 sekolah akan di-adakan di-padang besar di-sini pada petang hari Sabtu 23 September, 1961 kerana menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Sukan tersebut akan di-mulai pada pukul 2 petang dan di-jangka tamat pada pukul 5 petang.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Muhammad bin Pengiran Piut akan menyampaikan hadiah2 kepada para peserta yang berjaya di-temasha sukan itu.

Belait Mengalahkan "Vendetta" 13-0

KUALA BELAIT. — Pasokan Daerah Belait telah mengalahkan pasokan kapal perang Australia H.M.A.S. "Vendetta" dengan 13 gol tidak berbalas dalam satu pertandingan bola sepak sa-chara persahabatan di-padang Kuala Belait baharu2 ini.

Kassim telah menjaringkan 6 gol, Hussain Ahmad menjaringkan 3 gol, Samad menjaringkan 2 gol dan 2 gol lagi di-jaringkan oleh Augustine Jiew bagi pehak pasokan tempatan.

NAKHODA RAGAM BERJAYA

BERAKAS.—Rumah Nakhoda Ragam telah menjadi johan dalam pertandingan hokey pukul keliling di-antara rumah2 Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Gelaran naib johan di-menangi oleh Rumah Nakhoda Manis, dituruti oleh Rumah Awang Semam dan Rumah Bendahara Sakam.

PERLUMBAAN PERAHU DI-SUNGAI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Perlumbaan perahu dan motor sangkut kerana menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia akan di-adakan di-Sungai Brunei pada hari Ahad 24 September, 1961 mulai pada pukul 8.30 pagi.

Di-antara perlumbaan itu ia-lah perlumbaan perahu 15 orang terbuka kepada Jabatan2 Kerajaan. Perlumbaan itu akan di-mulai dari Royal Brunei Yacht Club ka-Tambatan Kastam Di-raja.

Rancangan perlumbaan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

8.30 pagi — Lumba Perahu sa-orang dari Subok. 9 pagi — Lumba Perahu 2 orang dari Subok. 9.30 pagi — Lumba Perahu 3 orang dari Pekan Lama. 10 pagi — Lumba Perahu 5 orang dari Pandai Besi. 10.30 — Lumba Perahu 10 orang dari Ulu Lorong Dalam. 11 pagi — Lumba Perahu 15 orang dari Ulu Kampong Burong Pingai. 11.30 pagi Perlumbaan motor sangkut 4 HP dari Royal Brunei Yacht Club. 12 tengah hari — Lumba Perahu 20 orang dari Buang Takurok. Perlumbaan itu akan di-sam-

bong lagi pada pukul 2 petang dengan mengadakan perlumbaan perahu 10 orang dari Ulu Kampong Burong Pingai.

2.30 petang — Perlumbaan motor sangkut tidak lebih dari 18 HP lima kali pusing. 3 petang — Lumba Perahu 15 orang dari Ulu Kampong Burong Pingai. 3.30 petang — Perlumbaan motor sangkut tidak lebih dari 40 HP 6 kali pusing. 4 petang — Lumba Perahu 20 orang dari Buang Takurok. 4.30 petang — Lumba Perahu 15 orang terbuka kepada Jabatan2 Kerajaan dari R.B.Y.C. dan 5 petang — Lumba Perahu 30 orang dari Kuala Lumapas.

Omar Salleh dan Tikom Orang Kaya Andar Menang

TUTONG. — Inche Omar bin Salleh dari Kampong Panchor Papan telah berjaya menjadi johan dalam pertandingan panchak silat, Daerah Tutong.

Inche Tikom bin Orang Kaya Andar dari Kampong Kuala Abang pula telah berjaya mendapat tempat yang pertama dalam pertandingan kuntau Daerah Tutong.

Pertandingan2 tersebut telah di-langsungkan di-hadapan bangunan Pejabat2 Kerajaan pada petang hari Khamis 14 September yang lalu.

Dengan kemenangan2 tersebut Inche Omar bin Salleh telah dipilih mewakili Daerah Tutong dalam pertandingan akhir panchak silat untuk merebutkan gelaran johan sa-Negeri Brunei

dan Inche Tikom akan mewakili Daerah Tutong dalam pertandingan akhir kuntau kejohanan sa-Negeri Brunei di-kawasan Istana Darul Hana pada malam 23 September akan datang.

Para peserta yang mendapat kepujian dalam pertandingan panchak silat Daerah Tutong ia-lah Inche Tujoh bin Kurus dari Kampong Lamunin, Inche Ja'afar bin Dollah dari Kampong Keriam; Inche Abdul Hamid bin Bakar dari Kampong Panchor Dulit dan Inche Yuen bin Kunyin dari Kampong Kebia.

Inche Omar bin Idris dari Kampong Penanjong dan Inche Mustafa bin Arshad dari Kampong Bukit Sulang telah terpuji dalam pertandingan kuntau tersebut.

Hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam pertandingan2 tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Haji Ghazali bin Umar.

PERLAWANAN PERSAHABATAN

KUALA BELAIT. — Pasokan Bekas Penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah mengalahkan P.W.D. Kuala Belait Sports Club dalam satu perlawanan bola sepak dengan delapan gol berbalas dua.

Perlawanan tersebut telah di-adakan sa-chara persahabatan di-padang besar Kuala Belait baharu2 ini.

PERAYAAN HARI BUROH DI-AMERIKA

WASHINGTON. — Hari Ithnin yang pertama dalam bulan September tiap2 tahun ia-lah Hari Buroh di-Amerika Sharikat. Pada tahun ini, Hari Buroh Amerika yang di-sambut sa-bagai hari kelepasan 'am, jatuh pada 4 September.

Kerana sempena hari tersebut, Tuan Arthur J. Goldberg, Setiausaha Buroh Amerika Sharikat mengeluarkan ucapan antara-nya ia-lah seperti berikut:

"Perayaan Hari Buroh di-Amerika Sharikat ada-lah menja-

PERHATIAN BERAT NEHRU

NEW DELHI. — Tuan Jawaharlal Nehru, Perdana Menteri India telah menyuarakan perhatian berat-nya tentang kedudukan dunia sekarang dan berkata bahawa tidak sesiapa pun yang boleh mengatakan apa yang akan berlaku dalam masa beberapa bulan yang akan datang.

Tuan Nehru berkata demikian pada masa membuka Perhimpunan ke-10 Pertubuhan Persekutuan Guru2 Sa-Dunia di-New Delhi pada bulan yang lalu.

Beliau berdukachita kerana keadaan pelajaran sekarang tidak pernah membawa ka-arrah perundingan itu dan meminta kepada Perhimpunan Guru2 tersebut untuk menimbangkan bagaimana dapat di-jalankan perkara itu dalam chara pengajaran sekarang.

Dalam ucapan-nya itu Tuan Nehru berkata: "Kita jangan-lah berfikir bahawa menjadi tanggung-jawab kita menolak sa-sa-orang ka-tepi, dudok di-atas dada-nya dan paksa ia membuat apa yang kita suka." Kalau-lah hal ini kita ketahui sedikit, ia akan mengurangkan perpechahan dunia hari ini".

di sa-bagai satu anugerah kepada kita sa-bagai satu bangsa, dan membaharui azam kita akan menggunakan anugerah itu untuk meninggikan hemah dan kebajikan manusia.

"Sa-masa Hari Buroh mula2 di-rayakan dalam tahun 1882, gaji buroh di-hitong panjang ia-lah \$12 Amerika (\$36 Malaya) kerana kerja 60 jam sa-minggu. Pada hari ini buroh di-kilang jika di-hitong panjang mendapat \$94

Amerika kerana kerja 40 jam sa-minggu. Harga barang2 pun sudah naik, tetapi dalam tahun 1961 buroh biasa boleh membeli barang2 tiga kali ganda banyaknya dari masa 79 tahun dahulu.

"Semenjak Hari Buroh tahun lalu, gaji kaum buroh Amerika terus bertambah. Gaji mingguan \$94 Amerika sekarang adalah bertambah sa-banyak \$2.64 Amerika jika di-bandingkan dengan gaji sa-tahun dahulu. Jumlah gaji kaum buroh seluruh Amerika sekarang telah mencaipai angka yang paling tinggi ia-tu 419,000 juta ringgit Amerika.

"Hasil pengeluaran barang2 juga telah bertambah sa-banyak lebeh dari 515,000 juta ringgit Amerika tiap2 tahun, dan angka ini terus bertambah. — U.S.I.S.



Suatu kebakaran hutan dan kayu2 kering di-beberapa ekar tanah dekat kawasan Istana Pantai, Tutong telah berlaku pada 7 September yang lalu.

Sa-telah lima jam kebakaran itu pasokan bomba telah dapat memadamkan dengan bantuan dari beretapa orang kerajaan dan orang2 kampung.

Kebakaran yang berlaku dalam musim kemarau itu di-perchayai disebabkan potong rokok yang di-champakkan di-kawasan tersebut.

Gambar menunjukkan kebakaran itu sa-belum di-padamkan.

PEMBUKAAN PANGGONG BOONPANG

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Dato Paduka Muda Haji Mohamed Alam akan membuka dengan rasmi panggong Boon Pang Baharu pada pukul 8 malam ini.

Kemudian akan di-tayangkan filem sharikat Cathay-Keris bernama "Hang Jebat", di-lakunkan oleh Noordin Ahmad, Latiffah Omar, Siput Sarawak dan lain-nya.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Dato Loke Wan Tho dari Singapura serta seniman Wahid Satay dan seniwati Latiffah Omar di-jangka akan hadir di-istiadat pembukaan rasmi panggong tersebut.

PERTUBOHAN BAHARU

BANDAR BRUNEI.—Sa-buah pertubohan yang baharu di-negeri ini telah di-tubuhkan sedikit hari dahulu.

Pertubohan itu bernama, "Pergerakan Bersatu Brunei" di-pimpin oleh Pengiran Haji Tengah bin Pengiran Omarali, sa-bagai Yang Dipertua dan Haji Hasbollah bin Haji Mohamed Daud sa-bagai Naib Yang Dipertua.

Setia Usaha, Pergerakan Bersatu Brunei, ia-lah Awang Majid bin Ampuan Daud, manakala penolong-nya ia-lah Awangku Badarudin bin Pengiran Bahak.

Pertubohan itu akan menghantarkan permohonan untuk pendaftaran kepada Pendaftar Pertubohan2 Negeri Brunei sedikit hari lagi.

BERSIDANGAN PENGHULU2 DAN KETUA2 KAMPONG

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Pemangku Menteri Besar Negeri Brunei telah membuka dengan rasmi-nya Persidangan Penghulu2 dan Ketua2 Kampung dalam Daerah Brunei dan Muara.

Persidangan itu telah di-langsungkan di-Dewan Kemasharaka-

tan, Bandar Brunei dan di-hadiri oleh sa-ramai 80 orang Penghulu2 dan Ketua2 Kampung.

Turut hadir dalam persidangan tersebut ia-lah Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei;

Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Daerah Brunei dan Muara serta Inche Ali bin Awang Besar, Penolong Pemungut Hasil2 Tanah, Brunei.

Di-antara perkara2 yang telah di-rundingkan dalam persidangan tersebut ia-lah mengenai pe-

lajaran, ekonomi, hal2 pertanian, jalan2 raya dan berbagai2 perkara untuk kemajuan kampung2 dalam kawasan2 luar bandar.

Penghulu2 dan Ketua2 Kampung tersebut telah bersetuju hendak mengadakan persidangan mereka pada tiap2 pertengahan bulan.



Gambar ramai Penghulu2 dan Ketua2 Kampung di-Daerah Brunei dan Muara sa-lepas bersidang di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada 11 September yang lalu.

Dudok di-tengah ia-lah Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Pemangku Menteri Besar, Brunei. Beliau di-apit oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei dan Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Daerah Brunei dan Muara.